
Amalan Pengurusan Kualiti Dan Hubungannya Dengan Penambahbaikan Sekolah

Nur Afiqah Mohamad Rabi

School of Education and Modern Languages, Colleges of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia

Mua'azam Mohamad

School of Education and Modern Languages, Colleges of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia

Amalan pengurusan kualiti mensasarkan penambahbaikan kualiti prestasi organisasi. Walau bagaimanapun literatur kajian terdahulu lebih memberi fokus kepada organisasi yang berasaskan keuntungan. Maka kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara amalan pengurusan kualiti dengan penambahbaikan sekolah. Kajian ini merupakan suatu kajian deskriptif berbentuk tinjauan melibatkan 150 orang guru-guru sekolah menengah yang terpilih. Teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif kajian melalui soal selidik Amalan Pengurusan Kualiti dan soal selidik Penambahbaikan Sekolah. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi menerusi program SPSS versi 24. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengurusan kualiti mempunyai hubungan positif yang signifikan secara statistik dengan penambahbaikan sekolah. Sehubungan itu, adalah dicadangkan khususnya bagi pihak sekolah dan warga guru untuk mempraktikkan amalan pengurusan kualiti supaya penambahbaikan sekolah dapat dicapai

References